

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca sebenar terdapat individu yang menerima BR1M menerima lebih dari sekali.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh

kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik.

2. BR1M hanya diberikan kepada mereka yang lulus tapisan semakan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Bagi mengurangkan ketirisan dan memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh setiap tahun dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

3. Kementerian Kewangan telah mengenal pasti terdapat penerima BR1M yang telah menunaikan BR1M lebih dari jumlah sepatutnya. Perkara ini terjadi kerana pada tahun-tahun sebelum ini sejak mula dilaksanakan pada tahun 2012, penunaian BR1M dibuat secara manual iaitu agihan baucar di majlis pengagihan. Ini telah membuka ruang penerima untuk mengambil baucar lebih memandangkan jumlah penerima yang ramai di satu-satu majlis. Kementerian Kewangan telah menghantar surat kepada penerima tersebut untuk memulangkan kembali lebihan tutntuan yang dibuat. Bagi penerima yang tidak memulangkan kembali, tindakan senrai

hitam dari menerima BR1M yang akan datang telah dibuat.

4. Bagi mengelakkan kejadian tersebut berulang, kaedah penyaluran telah ditambah baik di mana penerima adalah digalakkan untuk mengemukakan maklumat akaun bank bagi penyaluran terus ke akaun. Pada tahun 2015, sebanyak 6.4 juta penerima (89%) yang telah mengemukakan maklumat akaun dan menerima bantuan mereka terus ke akaun bank mereka, manakala baki sebanyak 820 ribu penerima (11%) masih menerima BR1M melalui baucar.

5. Kementerian Kewangan akan meneruskan inisiatif BR1M pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban perbelanjaan harian rakyat yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.